


Eat Well, Live Well.

Aji

AJINOMOTO®

Menyumbang kepada kesejahteraan manusia, masyarakat dan planet kita dengan 'AminoScience'.



Filosofi Kami

Misi

Menyumbang kepada pemakanan dan kesejahteraan sedunia, ke arah kehidupan yang lebih baik di masa hadapan.



Visi

Menjadi
"Syarikat Makanan Halal Sedunia
Bersentrik Pelanggan" yang menyumbang dalam
menangani Isu Pemakanan
dan Kesihatan Masyarakat
melalui Kepakaran & Penyelesaian Inovatif Kami.






Sejarah Kami

Sejarah kami bermula apabila Profesor Kikunae Ikeda dari Universiti Tokyo mengasingkan glutamat, iaitu sejenis asid amino yang memberikan rasa *Umami daripada rumpai laut. Pada tahun 1908, beliau menemui ciri-ciri glutamat yang berupaya mempertingkatkan rasa. Tahun berikutnya, penemuan beliau diperkenalkan di pasaran dalam bentuk penambah perisa dan dikenali sebagai Perencah Umami AJI-NO-MOTO®.

Sejak penemuan perasa Umami AJI-NO-MOTO® pada tahun 1909, kumpulan Ajinomoto telah berjaya mempelbagaikan perniagaan kepada sos dan penambah perasa, makanan segera, penyelesaian dan ramuan, makanan sejuk beku, produk penjagaan kesihatan dan barangan elektronik. Pada hari ini, operasi kumpulan Ajinomoto meliputi 36 negara dan wilayah dengan lebih 117 kilang pengeluaran termasuk lebih daripada 34,000 pekerja di seluruh dunia.

*Umami merupakan rasa asas ke-5, selain daripada rasa manis, masam, masin dan pahit. Ia dirujuk sebagai “鲜味” (xian wei) dalam Bahasa Cina; “Rasa seperti sup atau daging” dalam Bahasa Malaysia dan “Savoury” dalam Bahasa Inggeris.

*Data Kumpulan Ajinomoto setakat 31 Mac 2023



Gambaran Keseluruhan & Rangkaian Perniagaan Kami

Ajinomoto (Malaysia) Berhad memulakan operasi perniagaannya di Malaysia pada tahun 1961. Ia merupakan antara syarikat Jepun yang paling awal ditubuhkan di negara ini. Ajinomoto (Malaysia) Berhad telah berkembang sebagai pengeluar makanan & perencah makanan yang memasarkan pelbagai jenama yang dipercayai oleh rakyat Malaysia sejak beberapa dekad yang lalu.

Pejabat dan Cawangan-cawangan Jualan AMB



Kilang di Bandar Enstek, Negeri Sembilan | Pejabat Utama di Technology Park Malaysia, Kuala Lumpur

OVERSEAS MARKET



Komitmen Kami Terhadap Produk Berkualiti & Inovatif

Selama beberapa dekad, Ajinomoto Malaysia komited untuk meningkatkan dan membangunkan jenama baharu dengan menyediakan pelbagai rangkaian produk kepada masyarakat dan industri makanan di Malaysia dan luar negara. Pada hari ini, kami terus membangun dan berkembang dengan menawarkan produk dan perkhidmatan inovatif berkualiti tertinggi.

Perencah Makanan



Perencah khusus untuk menu yang membantu anda menyediakan pelbagai jenis masakan di rumah yang lazat dengan cepat dan mudah. Ia merupakan campuran lengkap daripada pelbagai bahan dan perasa bermutu tinggi yang dapat memuaskan cita rasa anda dan keluarga anda.



Dengan keseimbangan rasa ayam, bawang putih dan bawang merah yang sempurna, TUMIX® Perencah Pati Ayam menjamin kelazatan setiap masakan. Anda boleh gunakannya untuk semua jenis masakan terutamanya sup dan kacau goreng. Ia juga boleh didapati dalam perisa Ikan Bilis.



AJI-SHIO® terdiri daripada Lada Putih Berperisa dan Lada Hitam Berperisa yang bukan sahaja memberikan rasa lada, malah memberikan lebih kelazatan dalam hidangan anda.



Perencah diadun khas yang diperbuat daripada bawang putih, bawang merah dan ramuan lain. Ia dapat meningkatkan rasa keseluruhan makanan, rasa daging dan mengimbangi rasa masakan anda. Ia adalah ideal untuk memasak (terbaik dalam masakan sup dan berkuah) dan untuk membuat sos.





Perencah Umami AJI-NO-MOTO® merupakan jenama Monosodium Glutamat yang terkenal di seluruh dunia sejak 1909. Ia diperbuat daripada ubi kayu atau tebu melalui proses penapaian. Ia melazatkan semua jenis masakan tanpa mengubah rasa asli masakan. Dengan menambah sedikit sebelum, semasa atau selepas memasak, makanan akan menjadi lebih lazat.



Minuman Sukan



aminoVITAL® adalah jenama Nombor 1 di Jepun. Ia mengandungi 3,000mg asid amino yang sebahagian besarnya adalah Asid Amino Rantai Bercabang (BCAAs). BCAA memberikan manfaat kepada tenaga, ketahanan otot dan pemulihan otot. aminoVITAL® sesuai untuk sukan ketahanan seperti pelari, pelumba basikal, peserta triathlon, pemain golf dan sebagainya.



Pemanis



Pemanis yang memberikan rasa manis semula jadi yang membolehkan anda menikmati minuman kegemaran harian anda sepenuhnya dengan kalori yang rendah. Ia juga sesuai bagi pengguna kencing manis kerana ia tidak menyebabkan kenaikan tahap glukosa.



Makanan sejuk beku



"AJINOMOTO Gyoza" merupakan Gyoza asli gaya jepun yang diperbuat daripada campuran sempurna daging ayam dan sayur-sayuran dengan lapisan nipis yang dapat memberikan rasa rangup dan melazatkan.



Produk Industri

Ajinomoto (Malaysia) Berhad mempunyai pelbagai produk penyelesaian rasa dan tekstur yang digunakan secara meluas oleh pengeluar industri dalam pemprosesan makanan.

AJINOMOTO AJIMATE™



Mengandungi Protein Sayuran Terhidrolisis, Asid Amino atau asid organic dan penambah perisa yang berupaya meningkatkan rasa asli makanan.

AJINOMOTO AJI-AROMA™



Campuran ramuan asas dan perasa makanan untuk membekalkan rasa yang istimewa.

Hydrolysed Vegetable Protein (HVP)



Ia diperbuat daripada kacang soya untuk memberikan rasa yang mantap dan kuat.



Penambah perasa premium yang dapat meningkatkan lagi keenakkan semua jenis masakan dengan penggunaan yang sedikit. AJI-NO-MOTO® PLUS boleh digunakan dalam semua jenis masakan dan ia adalah lebih menjimatkan.



AJIRISE™

AJIRISE™ ialah produk berkaitan ekstiaik yis yang menambah kelazatan makanan dengan meningkatkan rasa termasuk rasa asli makanan tersebut. Produk ini tidak mengandungi sebarang bahan tambahan makanan, rendah kandungan garam dan sesuai untuk produk berlabel bersih.



ACTIVA® TG

Siri ACTIVA® TG merupakan rumusan enzim yang dihasilkan untuk berfungsi di bawah pelbagai keadaan dan kaedah pemprosesan makanan. Transglutaminase merupakan ramuan aktif dalam siri ACTIVA® TG. Ia mampu menggabungkan produk makanan laut/daging serta mempertingkatkan tekstur produk yang berasaskan protein melalui tindakan semula jadi enzim transglutaminase.

Jaminan Kualiti

Di setiap negara, nama Syarikat Ajinomoto melambangkan piawaian mutu dan kesihatan bertaraf dunia. Kami menyumbang kepada kehidupan yang lebih baik untuk semua dengan memberikan produk dan perkhidmatan yang selamat dan bermutu tinggi.



CERTIFIED TO MS 1500
REF. NO.: 1092-02 / 2004
Malaysian Standard on Halal Food
General Requirements



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT NO.: QMS 00504
Quality Management System
(*QMS*)



CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: OHS 00302
Occupational Health and Safety
Management System
(*OHS*)



CERTIFIED TO ISO 14001: 2015
CERT NO.: EMS 00368
Environmental Management System
(*EMS*)



CERTIFIED TO MS 1480 : 2019
CERT NO.: HA0122031
Hazard Analysis and Critical Control Point System
(*HACCP*)

Ajinomoto Group Creating Shared Value (ASV)

ASV menggambarkan komitmen berterusan kami dalam mewujudkan nilai-nilai sosial dan ekonomi dengan pihak berkepentingan, melalui perniagaan kami untuk mencapai prinsip 'Eat Well, Live Well'. Pendekatan kami memberi tumpuan kepada promosi kesihatan dan kehidupan yang lebih baik serta kelestarian alam sekitar.

Menggalakkan Kesihatan Dan Kehidupan Yang Lebih Baik

Pemakanan Tanpa Kompromi

Kami bergerak seiring dengan falsafah bahawa makanan yang berkhasiat mempunyai rasa melazatkan, mudah didapati, dan menghormati cara dan cita rasa tempatan, termasuk mengoptimumkan kesihatan global. Kami menyasarkan untuk membantu orang ramai menjalani kehidupan yang lebih sihat melalui pendekatan pemakanan kami.



Untuk menangani beban ganda iaitu kekurangan zat makanan dan zat makanan yang berlebihan, Kumpulan Ajinomoto menyokong orang ramai untuk mengekalkan diet yang lazat dan seimbang dengan rasa umami.



Menggalakkan Kelestarian Alam Sekitar

Kelestarian Global Dan Sumber-sumber Makanan

Kami menyediakan perkhidmatan dan produk yang melazatkan, mempunyai nutrisi yang seimbang dan menggalakkan pengurangan impak kepada alam sekitar disebabkan pelepasan gas rumah hijau, sisa plastik dan pembaziran makanan.



Eat Well, Live Well.



AJINOMOTO (MALAYSIA) BERHAD

[Reg. No. 196101000252 (4295-W)]

Head Office

Lot L1-E-5A and L1-E-5B, Enterprise 4, Technology Park Malaysia,
Lebuhraya Puchong-Sg. Besi, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: (603) 7980 6958 | Fax: (606) 737 7001

Manufacturing

No. 1 Persiaran Teknologi 6, Techpark 2@Enstek, 71760, Bandar Enstek,
Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.
Tel: (606) 737 7000 | Fax: (606) 737 7001